

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dalam membantu Kerajaan Negeri Sabah yang paling terkesan dalam gelombang ketiga Pandemik COVID-19 di Malaysia. Bagaimanakah pelaksanaan program-program bantuan ini diselaraskan dengan Kerajaan Negeri Sabah.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi membantu Kerajaan Negeri Sabah yang paling terkesan dalam gelombang ketiga Pandemik COVID-19, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah membuat pelbagai usaha dan memberikan bantuan kepada pihak Kerajaan negeri. Yang pertama sekali, NADMA telah **menyalurkan peruntukan sebanyak RM52.2 juta untuk Perbelanjaan Kluster Kawalan COVID-19 termasuk RM100,000 untuk kempen pembudayaan norma baharu.** Peruntukan berkenaan disalurkan secara berperingkat-peringkat mulai 20 Mac 2020 hingga 23 Oktober 2020.
2. Kedua, NADMA telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM30.6juta daripada Tabung COVID-19 kepada Yayasan Kebajikan Negara (YKN) untuk bekalan makanan dalam tempoh perintah kawalan pergerakan. Daripada jumlah peruntukan berkenaan, sebanyak **RM4.08 juta telah disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah.** Sebanyak RM5.4juta lagi akan disalurkan sebagai tambahan kepada peruntukan yang telah disalurkan sebelum ini.
3. Ketiga, NADMA telah menyelaraskan 11 peringkat penghantaran pelitup muka dan lain-lain keperluan mulai 2 April 2020 sehingga 26 Oktober 2020 yang diperincikan seperti yang berikut:
  - a) 5,779,800 unit pelitup muka 3 *ply* termasuk 5,259,600 unit untuk kegunaan rakyat);
  - b) 1,000 unit termometer digital;
  - c) 50,000 unit sarung tangan;
  - d) 2,000 unit *coverall*;
  - e) 12,000 unit *shoes cover*;
  - f) 2,000 unit *boot cover*;
  - g) 3,000 unit *face shield*;
  - h) 6,000 unit *isolation gown*;
  - i) 1,000 unit apron pakai buang; dan

- j) 6,000 unit *head cover*.
4. Seterusnya iaitu yang keempat, pihak NADMA telah menghantar para pegawai ke Sabah bagi tujuan membantu kelancaran koordinasi dan penyelarasaran operasi bantuan kemanusiaan COVID-19 yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah pada 21 hingga 24 Oktober 2020 dan pada 1 hingga 6 November 2020. NADMA dan pihak Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan dan koordinasi lanjut termasuklah 4 perkara utama seperti berikut:
- a) Penghantaran tambahan *Personal Protective Equipments*;
  - b) Penyaluran bantuan kewangan kepada negeri Sabah;
  - c) Membincangkan penerimaan dan kemasukan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk berkhidmat di lapangan; dan
  - d) Pengoperasian Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19.
5. Selain daripada itu, pihak Angkatan Pertahanan Awam (APM) juga bekerjasama dengan NADMA untuk penghantaran **40 unit tandas bergerak** ke negeri Sabah. Penggunaan tandas ini adalah bersifat serampang dua mata yang mana ia juga akan digunakan semasa bencana banjir ketika Monsun Timur Laut kelak.
6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kinabatangan, NADMA sentiasa bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah dan APM Sabah melalui sesi-sesi libat urus dan perbincangan dalam menjayakan sasaran pihak Kerajaan untuk menurunkan keluk penularan wabak COVID-19 dan mencegah daripada berlakunya gelombang susulan penularan pandemik ini.

Sekian, terima kasih.